

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

2. SKIMAS hanya diberikan kepada pemenang pingat emas buat masa sekarang. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk memberikan sumbangan kepada pemenang pingat perak and gangsa di pertandingan sukan antarabangsa?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Atlet-atlet negeri Pulau Pinang (atlet normal, atlet paralimpik dan atlet sukan orang pekak) yang berjaya memenangi pingat Emas, Perak dan Gangsa serta kejayaan memecah rekod baharu di sukan-sukan bertemasya seperti di bawah adalah layak dipertimbangkan untuk pemberian insentif kejayaan di bawah SKIMAS: -
 - (a) Atlet Normal : Sukan Olimpik, Sukan Olimpik Remaja, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan Malaysia
 - (b) Atlet Paralimpik : Sukan Paralimpik Antarabangsa, Sukan Komanwel Atlet Elit Kelainan Upaya (EAD), Sukan Para Asia, Sukan Para ASEAN, Sukan Paralimpik Malaysia / Sukan Para SUKMA.
 - (c) Atlet Orang Pekak: Sukan Deaflympic Antarabangsa, Sukan Orang Pekak Asia Pasifik, Sukan Pekak ASEAN, Sukan Orang Pekak Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi Sukan SEA, hanya pemenang pingat emas sahaja layak dipertimbangkan untuk pemberian insentif di bawah SKIMAS sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis Sukan

Negara Malaysia dalam Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM). SHAKAM merupakan panduan utama kepada pembentukan SKIMAS oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.